



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PENGLIBATAN IBU BAPA MELALUI AKTIVITI AMALAN SOLAT UNTUK KANAK-KANAK BERUMUR ENAM TAHUN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KHAIRIZAH BINTI KAMARUDDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PENGLIBATAN IBU BAPA MELALUI
AKTIVITI AMALAN SOLAT UNTUK KANAK-KANAK
BERUMUR ENAM TAHUN**

KHAIRIZAH BINTI KAMARUDDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12/03/2024

Perakuan Pelajar:

Saya, KHAIRIZAH BINTI KAMARUDDIN, M20171000834 PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA dengan ini mengaku bahawa disertasidisertasi yang bertajuk PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PENGLIBATAN IBU BAPA MELALUI AKTIVITI AMALAN SOLAT UNTUK KANAK-KANAK BERUMUR ENAM TAHUN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..



Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya TS DR MOHD RIDHUAN BIN MOHD JAMIL dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PENGLIBATAN IBU BAPA MELALUI AKTIVITI AMALAN SOLAT UNTUK KANAK-KANAK BERUMUR ENAM TAHUN dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK).

Ts DR MOHD RIDHUAN BIN MOHD-JAMIL
Pensyarah
Jabatan Pengajaran Pendidikan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

12/03/2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PENGLIBATAN IBU BAPA MELALUI AKTIVITI AMALAN SOLAT UNTUK KANAK-KANAK BERUMUR ENAM TAHUN

No. Matrik / Matic's No.: M20171000834

Saya / I: KHAIRIZAH BINTI KAMARUDDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /
Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN

(Tandatangan Pelajar / Signature)

TS DR MOHD RIDHUAN BIN MOHD JAMIL
Pengajar
Jabatan Pengajian Pendidikan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 12/03/2024

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani”. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabat baginda. Maka dengan ini saya telah dapat menyiapkan penyelidikan bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana (Pendidikan Awal Kanak-kanak). Penghargaan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Ts Dr Mohd Ridhuan Bin Mohd Jamil, penyelia utama saya yang amat berdedikasi dan prihatin serta penyelia bersekutu Dr Juppri Bin Bacotang dan sahabat saya Dr Mohamad Izani Zainal Abidin yang banyak membantu memberikan bimbingan berserta perkongsian ilmu sepanjang melengkapkan penulisan penyelidikan ini. Begitu juga kepada seluruh pensyarah dan kakitangan Fakulti NCDRC, Universiti Pendidikan Sultan Idris, barisan panel yang telah menyumbang kepakaran sebagai penilai garis panduan. pemeriksa luar dan pemeriksa dalam, sahabat di industri Pendidikan Awal Kanak-Kanak, para ibu bapa yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kajian ini. Ucapan penghargaan yang istimewa saya lakarkan buat suami tercinta Mohd Fazlan Bin Abdullah, anak-anak kesayangan saya Aiman Afiq, Nur Aisyah dan Adham Aqil atas pengorbanan masa, sokongan dan doa yang tidak pernah putus. Selanjutnya, saya dedikasikan kejayaan ini buat kedua-dua ibu bapa saya Almarhum Haji Kamaruddin Kilau dan Hajjah Inchah Mohd Yusof yang sentiasa mendoakan kesejahteraan saya dan memberikan dorongan sehingga pengajian ini berakhir dengan kejayaan. Kejayaan ini juga wajar saya kongsikan dengan adik beradik, semua sahabat sejati, kakitangan Khalifah Rimbayu dan Tropicana Aman yang selalu memberikan kata-kata semangat. Alhamdulillah dan terima kasih saya ucapkan. Akhir sekali ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan tesis ini. Semoga Allah membala jasa dan pengorbanan anda semua. Sekian, terima kasih





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan garis panduan penglibatan ibu bapa melalui aktiviti amalan solat untuk kanak-kanak berumur enam tahun. Kajian ini menggunakan pendekatan Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan (DDR) yang telah diperkenalkan oleh Richey (1997) iaitu tiga fasa terlibat. Tiga fasa yang terlibat ialah fasa pertama, Fasa Analisis Keperluan dalam bentuk temubual digunakan terhadap 11 orang ibu bapa untuk mengkaji keperluan pembangunan garis panduan, fasa kedua, Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) kesepakatan 12 orang pakar terdiri daripada Industri Pendidikan Awal Kanak-Kanak, bidang Pendidikan Islam dan bidang Kurikulum ditemubual untuk menentukan komponen dan elemen yang boleh digunakan dalam membangunkan garis panduan, dan fasa ketiga, ialah Fasa penilaian kebolehgunaan menggunakan Pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT), 6 orang ibu bapa iaitu pengguna garis panduan ditemubual untuk menilaikan kebolehgunaan garis panduan yang dihasilkan. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat keperluan membangunan garis panduan penglibatan ibu bapa dan dari kesepakatan pakar dalam fasa reka bentuk dan pembangunan terdapat 4 komponen utama yang telah dikenalpasti iaitu Ilmu, e-Modul atau rujukan, fasiliti atau persekitaran dan ganjaran. Kesimpulan kajian ini menunjukkan pembangunan garis panduan penglibatan ibu bapa melalui aktiviti amalan solat perlu dibangunkan untuk mengenalpasti komponen utama dan elemen yang boleh dijadikan panduan pengguna. Implikasi penggunaan garis panduan ini diharapkan dapat membantu pihak TADIKA dalam menggalakkan penglibatan ibu bapa melalui aktiviti amalan solat seterusnya ibu bapa dapat menggunakan garis panduan sebagai panduan dan rujukan ketika membantu anak-anak melakukan aktiviti amalan solat. Dengan terhasilnya garis panduan ini dan penggunaanya di masa hadapan diharapkan kecintaan dan kefahaman tentang kepentingan solat dapat dipupuk dalam diri kanak-kanak enam tahun ini seterusnya dapat membentuk sahsiah yang baik dikemudian hari. Kajian yang lebih komprehensif untuk menghasilkan modul, model serta model latihan ceramah keibubapaan diharap dapat digarap untuk membantu perkembangan kajian di dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak pada masa depan.





DEVELOPMENT OF GUIDELINES FOR PARENTAL INVOLVEMENT THROUGH PRACTICAL PRAYER ACTIVITIES FOR SIX YEARS OLD CHILDREN

ABSTRACT

This study aims to develop guidelines for parental involvement through practical prayer activities for six-year-old children. The Design Development Research (DDR) approach introduced by Richey (1997) was used in this study, involving three phases. The first phase was the Needs Analysis phase, which involved interviews with 11 parents to assess the need for developing guidelines. The second phase was the Design and Development phase, which used the Fuzzy Delphi Method (FDM) to obtain consensus from 12 experts in Early Childhood Education, Islamic Education, and Curriculum to determine the components and elements that could be used to develop the guidelines. The third phase was the Usability Assessment phase, which used the Nominal Group Technique (NGT) to interview six parent users of the guidelines to evaluate their usability. The study found that there was a need to develop guidelines for parental involvement, and from the consensus of the experts, four main components were identified: Knowledge, e-Modules or references, facilities or environment, and rewards. The study concludes that the development of guidelines for parental involvement in practical prayer activities is necessary to identify the main components and elements that can be used as a guide for users. The implication of using these guidelines is expected to help kindergarten personnel encourage parental involvement in practical prayer activities, and parents can use the guidelines as a guide and reference when helping their children perform practical prayer activities. With the development and future use of these guidelines, it is hoped that the love and understanding of the importance of prayer can be instilled in six-year-old children and that it can help shape their character in the future. A more comprehensive study to produce modules, models, and parenting lecture exercise models is needed to assist in the development of research in the field of early childhood education in the future.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----



SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	------

SENARAI RAJAH	xvi
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xvii
--------------------------	------

SENARAI LAMPIRAN	xviii
-------------------------	-------

BAB 1 PENGENALAN	1
-------------------------	---

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	1
---------------------------	---

1.3 Pernyataan Masalah	7
------------------------	---

1.4 Objektif Kajian	17
---------------------	----

1.4.1 Fasa 1: Analisis Keperluan Garis Panduan	17
--	----





1.4.2	Fasa 2 : Reka bentuk dan Pembangunan Garis Panduan	18
1.4.3	Fasa 3 : Penilaian Kebolehgunaan Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa Melalui Aktiviti Amalan Solat	18
1.5	Soalan Kajian	18
1.5.1	Fasa 1 : Analisis Keperluan Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa	19
1.5.2	Fasa 2 : Proses Reka Bentuk dan Pembangunan Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa	19
1.5.3	Fasa 3 : Penilaian Kebolehgunaan Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa	20
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	20
1.7	Kepentingan Kajian	21
1.8	Batasan Kajian	23
1.9	Definisi Operasional	25
1.9.1	Pembangunan garis panduan	25
1.9.2	Penglibatan Ibu bapa	25
1.9.3	Aktiviti	26
1.9.4	Aktiviti Amalan Solat	27
1.9.5	Ibu bapa	28
1.9.6	Kanak-kanak	28
1.9.7	Kerohanian	30
1.10	Rumusan	31
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	32





2.1	Pengenalan	32
2.2	Teori	32
2.2.1	Teori Pembelajaran	33
2.2.2	Falsafah Imam AL Ghazali berkenaan tanggungjawab ibu bapa terhadap amalan Solat	34
2.2.3	Teori Epstein	36
2.3	Sorotan Kajian	42
2.3.1	Penglibatan Ibu Bapa	42
2.3.2	Solat	48
2.4	Rumusan	56
BAB 3	METODOLOGI	57



3.2	Reka Bentuk Kajian	58
3.2.1	Kerangka Metodologi Kajian	59
3.3	Fasa Analisis Keperluan	60
3.3.1	Instrumen Kajian	63
3.3.2	Temubual	64
3.3.3	Sampel Kajian	65
3.3.4	Analisis Data	66
3.4	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Garis Panduan	67
3.4.1	Prosedur kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Garis Panduan	69
3.4.2	Instrumen Kajian	71





3.4.3	Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)	72
3.4.4	Kaedah/Teknik Menganalisa Data	75
3.4.5	Prosedur Teknik Fuzzy Delphi (FDM)	77
3.5	Fasa Penilaian Kebolehgunaan	82
3.5.1	Pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	84
3.5.2	Kekuatan Pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	85
3.5.3	Prosedur Menjalankan Teknik Kumpulan Nominal	87
3.5.4	Tempoh masa Kajian Teknik Kumpulan Nominal	91
3.5.5	Bilangan Pakar Dalam Teknik NGT	92
3.5.6	Julat Penerimaan Bagi Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	93
3.6	Matriks Kajian Pembangunan Model	94
3.7	Rumusan	96
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	98
4.1	Pengenalan	98
4.2	Dapatan Fasa 1 : Analisis Keperluan	99
4.2.1	Analisis Bahagian I – Demografik Responden	100
4.2.2	Analisis Bahagian II – Soalan Temubual	102
4.2.3	Rumusan Dapatan Kajian Fasa 1 Analisis Keperluan Garis Panduan	116
4.3	Dapatan Fasa 2 : Rekabentuk & Pembangunan – Analisis Kesepakatan Pakar	117





4.3.1	Temubual Pakar – Perbincangan Komponen dan Elemen Garis Panduan	118
4.3.2	Analisis Bahagian A – Demografik Pakar	121
4.3.3	Analisis Bahagian B,C,D dan E –Komponen Utama dan Elemen Garis Panduan berdasarkan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	122
4.3.4	Rumusan Dapatan Kajian Fasa 2 Rekabentuk dan Pembangunan Garis Panduan	133
4.4	Dapatan Fasa 3 : Penilaian Kebolehgunaan	134
4.4.1	Analisis Bahagian A – Demografik Peserta Kajian	135
4.4.2	Analisis Bahagian B – Penilaian Keseluruhan Kebolehgunaan Garis Panduan	136
4.4.3	Rumusan Dapatan Kajian Fasa 3 Penilaian Kebolehgunaan Garis Panduan	138
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	140
5.1	Pengenalan	140
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 1 : Analisis Keperluan	141
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 2 : Reka Bentuk dan Pembangunan Garis Panduan	146
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian Fasa3 : Penilaian Kebolehgunaan Pembangunan Garis Panduan	150
5.5	Implikasi dan Cadangan	151
5.5.1	Ringkasan Implikasi dan Cadangan	151
5.5.2	Implikasi Terhadap Amalan Kajian	153
5.5.3	Implikasi Terhadap Teori	156





5.5.4	Implikasi Terhadap Metodologi	158
5.5.5	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	159
5.5.6	Kesimpulan	161
RUJUKAN		164
LAMPIRAN		177





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Kaedah berdasarkan pendekatan DDR	59
3.2	Sampel kajian Fasa Rekabentuk dan Pembangunan	70
3.3	Skala pemboleh ubah linguistik 7 mata	79
3.4	Skala pemboleh ubah linguistik untuk melihat tahap	79
3.5	Contoh nilai threshold (d) bagi 3 item dan 12 pakar	80
3.6	Contoh peratusan kesepakatan pakar	81
3.7	Contoh nilai skor fuzzy (A)	82
3.8	Langkah asas di dalam menjalankan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	88
3.9	Prosedur Teknik Kumpulan Nominal yang dijalankan dalam konteks kajian	90
3.10	Contoh penganalisisan berdasarkan pendekatan Teknik Kumpulan Nominal	94
3.11	Matriks Kajian Pembangunan Garis Panduan	94
4.1	Analisis Demografi Responden	100





4.2	Dapatkan Soalan Temubual 1	103
4.3	Dapatkan Soalan Temubual 2	104
4.4	Dapatkan Soalan Temubual 3	105
4.5	Dapatkan Soalan Temubual 4	106
4.6	Dapatkan Soalan Temubual 5	107
4.7	Dapatkan Soalan Temubual 6	107
4.8	Dapatkan Soalan Temubual 7	108
4.9	Dapatkan Soalan Temubual 8	109
4.10	Dapatkan Soalan Temubual 9	110



4.12	Dapatkan Soalan Temubual 11	112
4.13	Dapatkan Soalan Temubual 12	113
4.14	Dapatkan Soalan Temubual 13	114
4.15	Dapatkan Soalan Temubual 14	115
4.16	Senarai Pakar Yang Terlibat	118
4.17	Komponen Utama Garis Panduan	119
4.18	Dapatkan : Komponen dan Elemen	120
4.19	Dapatkan Bahagian A: Demografik Pakar	121





4.20	Dapatan Bahagian B: Komponen utama garis panduan berdasarkan Analisis Fuzzy Delphi (FDM)	123
4.21	Lampiran Bahagian B: Komponen utama garis panduan berdasarkan Analisis Fuzzy Delphi (FDM)	124
4.22	Dapatan Bahagian C: Elemen bagi Komponen Ilmu garis panduan berdasarkan Analisis Fuzzy Delphi (FDM)	125
4.23	Lampiran Bahagian C: Elemen Bagi Komponen Ilmu garis panduan berdasarkan Analisis Fuzzy Delphi (FDM)	126
4.24	Dapatan Bahagian D: Elemen Bagi Komponen e-MODUL / Rujukan garis panduan berdasarkan Analisis Fuzzy Delphi (FDM)	127
4.25	Lampiran Bahagian D: Elemen bagi Komponen e-MODUL/Rujukan garis panduan berdasarkan Analisis Fuzzy Delphi (FDM)	128
4.26	Dapatan Bahagian E: Elemen bagi Komponen Fasiliti/Persekutaran garis panduan berdasarkan Analisis Fuzzy Delphi (FDM)	129
4.27	Lampiran Bahagian E: Elemen bagi Komponen Fasiliti/Persekutaran garis panduan berdasarkan Analisis Fuzzy Delphi (FDM)	130
4.28	Dapatan Bahagian E: Elemen bagi Komponen Ganjaran garis panduan berdasarkan Analisis Fuzzy Delphi (FDM)	131
4.29	Lampiran Bahagian E: Elemen bagi Komponen Ganjaran garis panduan berdasarkan Analisis Fuzzy Delphi (FDM)	132
4.30	Dapatan Bahagian A: Demografik Peserta Kajian	135
4.31	Dapatan Bahagian B: Pandangan Keseluruhan Kebolehgunaan Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa Melalui Aktiviti Amalan Solat Untuk Kanak-Kanak Berumur Enam Tahun	137





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1. Kerangka Konseptual Kajian	20
2.1. Model Sekolah-Keluarga-Komuniti-Perkongsian (Model Perkongsian)	37
3.1. Kerangka Metodologi Kajian	60
3.2. Graf segi tiga min melawan nilai triangular	75
3.3. Carta alir prosedur pendekatan Kaedah Fuzzy Delphi (Adaptasi dari Mohd Ridhuan (2016)	77
5.1. Komponen Utama dan Elemen dalam Komponen	155





SENARAI SINGKATAN

FDM	Fuzzy Delphi Method
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Malaysia
NGT	Nominal Group Technique
PDPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-Kanak
TADIKA	Taman Didikan Kanak-Kanak
TASKA	Taman Asuhan Kanak-Kanak





SENARAI LAMPIRAN

- A Soalan Temubual Analisis Keperluan
- B Borang Soal Selidik Bagi Komponen dan Elemen
- C Slaid Fasa Penilaian Kebolehgunaan
- D Borang Soal Selidik Fasa Penilian Kebolehgunaan
- E Surat Perlantikan Sebagai Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Kajian





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab 1 membincarkan elemen-elemen utama yang terdapat dalam bab ini, iaitu latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Aspek-aspek yang dibicarakan ini akan menjadi panduan utama dalam kajian ini agar tidak tersasar dari tumpuan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam latar belakang kajian ini, beberapa topik dibahas, seperti pendidikan awal kanak-kanak Islam, solat, dan penglibatan ibu bapa. Pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) diartikan sebagai tahap persediaan sebelum masuk ke alam persekolahan pada peringkat rendah (Nachiappan, 2014). Di Malaysia, terdapat dua jenis pendidikan awal





kanak-kanak, iaitu Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) untuk anak-anak di bawah usia empat tahun dan Taman Didikan Kanak-kanak untuk anak-anak usia empat hingga enam tahun (Bustum Kamri, 2010)

Konsep penubuhan TADIKA dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak adalah untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeluruh bagi anak-anak usia empat hingga enam tahun. Matlamat pendidikan ini adalah untuk membangunkan potensi individu dalam semua aspek, termasuklah kemahiran asas dan sikap yang positif sebagai asas persediaan sebelum masuk ke alam persekolahan rendah. Konsep ini sejajar dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2017 (KSPK).

Menelusuri sistem pendidikan Malaysia, matlamat KSPK adalah untuk membangunkan potensi murid berusia empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan menyepdu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Hal ini dapat meningkatkan kemahiran, membentuk konsep kendiri dan mananam keyakinan yang positif pada murid agar mereka bersedia menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran tahap pendidikan formal di sekolah rendah. KSPK digubal berdasarkan prinsip amalan yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak dan teori pembelajaran kanak-kanak. Kandungan KSPK berasaskan enam tunjang iaitu Tunjang Komunikasi; Kemanusiaan; Perkembangan Fizikal dan Estetika; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Sains dan Teknologi; dan Keterampilan Diri.



Seperti terkandung didalam pendidikan Islam di bawah, Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai memberi tumpuan kepada penghayatan amalan agama, kepercayaan, sikap dan nilai. Pemupukan asas-asas ibadah seperti mengambil wuduk, mengetahui tentang solat fardu, melakukan simulasi dalam solat dan memahami ibadah puasa menjadi aspek yang dititikberatkan. Pelaksanaan aktiviti amalan dapat dilihat melalui latihan mendirikan solat oleh Rasullah SAW pada kanak-kanak melalui sabdanya "*Suruhlah anak-anakmu mengerjakan solat ketika umur mereka tujuh tahun, dan pukullah anakmu yang meninggalkan solat ketika mereka berusia sepuluh tahun*", Hadis riwayat Abu Daud, (Sunan Abi Dawud 495, status: Hasan Sahih). Tujuan pendidikan Islam ialah untuk menghasilkan individu Muslim yang berpengetahuan, menghayati dan mengamalkan ilmu tersebut. Selain itu, ia juga memperkuat kepercayaan individu terhadap agama (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2011)

Dalam kehidupan seharian seseorang yang beragama Islam, unsur kerohanian adalah sesuatu yang perlu diamalkan. Bagi individu Muslim, amalan kerohanian sangat ditekankan dalam kehidupan seharian. Kerohanian boleh diperkuatkan melalui amalan-amalannya. Namun, jika amalan kerohanian yang diamalkan tidak diamalkan dengan baik dan diabaikan, ia boleh memberi kesan negatif terutamanya dalam pembinaan akhlak pelajar. Apabila akhlak merosot, maka gejala sosial mula berlaku di kalangan masyarakat. Menurut Ramli Awang dan Rosmaziah Abdul Kadir@Ismail (2009), amalan kerohanian dapat memberi impak yang positif jika tujuan pengamalannya difahami, dan secara langsung dapat membentuk personaliti pelajar yang positif dan meningkatkan pencapaian dalam bidang akademik.

Sebagai ibu bapa Muslim di dunia sains dan teknologi serta dunia moden yang mencabar ini, ramai ibu bapa memilih program TADIKA yang mengintegrasikan ajaran Islam dalam akademik dan kemahiran pelajar. Ramai ibu bapa ingin anak-anak mereka mempunyai kemahiran membaca, menulis, mengira, berfikir, bahasa dan komunikasi, serta pada masa yang sama, mampu membaca Al-Quran, menuaikan solat, mempraktikkan nilai-nilai Islam dari segi adab dan personaliti, serta menghafaz surah Al-Quran. Menurut Zulkifli Dahalan (2009), adalah tanggungjawab ibu bapa untuk memastikan anak-anak terdidik dengan nilai-nilai Islam. Oleh itu, ibu bapa perlu memastikan prasekolah yang mereka pilih dapat membantu pembelajaran berlandaskan Islam. Begitu juga dengan kajian Nor Fauzian Kassim dan Fauziah Hanim Abdul Jalal (2015), pembelajaran yang berlandaskan syariat Islam bukan sahaja menguasai bidang teknikal dan akademik semata-mata, tetapi lebih ke arah pemupukan nilai dan pembentukan akhlak. (Abd Aziz Rekan et al., 2016)

Walau bagaimanapun, tanggungjawab mendidik kanak-kanak di TADIKA ini tidak hanya terletak di guru-guru mereka di prasekolah kerana ibu bapa merupakan guru pertama yang mendidik anak-anak sebelum mereka masuk ke prasekolah. Oleh itu, ibu bapa perlu terus terlibat dalam aktiviti pembelajaran anak-anak kerana ini merupakan aspek penting dalam perkembangan kanak-kanak tersebut. Menurut Abdullah Nashih Ulwan (1996), ibu bapa dan pendidik bertanggungjawab mencorakkan kehidupan anak dengan memberikan pendidikan yang sempurna dan sewajarnya. Ini selaras dengan kajian Irma Yanti Mahamud et al. (2018) yang falsafah Imam Al-Ghazali berpendapat bahawa keluarga dan sekolah merupakan dua institusi terpenting untuk memupuk personaliti kanak-kanak dan remaja.



Keterlibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran merupakan salah satu aspek penting dalam pendidikan prasekolah yang berkait rapat dengan kejayaan akademik anak-anak. Daripada hasil kajian sebelum ini, adalah diperjelaskan bahawa kehadiran ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak-anak secara langsung adalah amat penting untuk meningkatkan pencapaian akademik anak-anak (Cooper et al., 2006; Fauziah Hanim Jalal et al., 2014; Paezah & Faridah, 2014). Oleh itu, adalah amat disyorkan bahawa ibu bapa turut terlibat dalam proses pembelajaran anak-anak mereka, kerana ianya adalah satu faktor yang penting dalam membantu meningkatkan pencapaian dan kejayaan anak-anak dalam bidang pendidikan prasekolah.

“Kanak-kanak merupakan amanah dan tanggungjawab orang tuanya, jiwanya yang suci murni merupakan permata mahal yang bersahaja dan bebas dari ukiran dan gambaran, dan ia boleh menerima setiap ukiran dan cenderung kepada apa yang dicenderungkan kepadanya.” (Al-Ghazali, 1296H, dalam Hassan Langgulung (1979)



Kajian terkini menunjukkan bahawa perkembangan pembelajaran kanak-kanak memerlukan usaha bersama antara guru dan ibu bapa. Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak di prasekolah dianggap penting untuk meningkatkan pencapaian kanak-kanak. Menurut Paezah dan Faridah (2014), penglibatan ibu bapa dapat memberikan manfaat seperti meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak, membantu kanak-kanak memahami aktiviti dan kurikulum di sekolah, dan membolehkan ibu bapa berkongsi masalah serta bertanya soalan kepada guru tentang perkembangan anak-anak mereka.





Menurut beberapa kajian, penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak mereka di prasekolah memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian akademik mereka. Selain itu, kajian terdahulu menunjukkan bahawa keluarga yang mengamalkan komunikasi sihat di rumah dapat membantu meningkatkan perkembangan diri, emosi, dan pencapaian kanak-kanak dalam pelajaran (Cooper et al., 2006). Dengan demikian, ibu bapa perlu terlibat dalam aktiviti pembelajaran anak-anak mereka secara langsung untuk memastikan kejayaan pendidikan mereka di masa hadapan. Seterusnya, penglibatan ibu bapa dikenalpasti sebagai rakan kongsi dalam perkembangan kanak-kanak dan sebagai matlamat utama dalam pendidikan awal kanak-kanak (Miedel & Reynolds, 1999).

Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu penglibatan di dalam aktiviti di sekolah dan penglibatan aktiviti sekolah di rumah (Hashmi & Akhter, 2013). Aktiviti penglibatan di rumah sangat penting kerana dapat memantau dan mengatur masa anak-anak, membantu kerja rumah, membincangkan hal-hal berkaitan dengan sekolah, dan membaca bersama anak-anak (Finn, 1998; Lee & Bowen, 2006).

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada kategori kedua iaitu penglibatan ibu bapa di rumah dalam aktiviti amalan solat. Walaupun guru mengajar cara wuduk dan cara solat secara teori di dalam kelas dan melaksanakan secara praktikal ketika solat sunat dan waktu solat fardu zohor atau asar, adakah amalan solat diteruskan di rumah? Oleh itu, adalah penting untuk memahami kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak dan aktiviti amalan seperti solat untuk meningkatkan pencapaian kanak-kanak di prasekolah.





1.3 Pernyataan Masalah

Asas agama Islam ialah solat, ianya merupakan teras utama bagi amalan-amalan keagamaan yang lain. Solat adalah ibadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim (Hasan al-Turabi, 1974). Solat merupakan amalan pertama yang diwajibkan ke atas umat Islam dan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam. Ia bukan sahaja dapat mencegah seseorang daripada melakukan kejahanatan dan perbuatan tercela, tetapi juga dapat membantu individu untuk memperbaiki hubungan diri dengan Allah SWT (Arifin Mamat & Shukeri Mohammad, 2012).

Perkara ini dapat dilihat dalam beberapa surah Al-Quran, antaranya melalui Surah An-Nisa ayat 103 yang menyatakan: "Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditetapkan waktu-waktunya bagi orang-orang yang beriman." Hal ini menunjukkan betapa pentingnya solat dalam kehidupan seorang Muslim. Solat juga akan dijadikan ukuran pertama di akhirat kelak, oleh itu menjadikan solat sebagai ibadah yang paling penting dalam kehidupan seorang Muslim. Di dalam Al-Quran, terdapat beberapa surah yang menekankan kepentingan mengerjakan ibadah solat. Salah satunya ialah Surah An-Nisa ayat 103 yang mengandungi makna yang penting:

"Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri, atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang beriman, yang tertentu waktunya."





Terdapat penekanan yang jelas mengenai kepentingan mengerjakan solat dalam Al-Quran, yang dijelaskan dalam beberapa surah berikut. Antara contohnya ialah Surah Al-Baqarah ayat 21 dan 43, firman Allah secara tegas menunjukkan bahawa solat adalah satu ibadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Tidak ada keraguan bahawa solat adalah inti dan asas agama yang tidak boleh dikesampingkan. Dengan melaksanakan solat dengan sempurna, kita dapat memperoleh keberkatan Allah SWT dan mendekatkan diri kepada-Nya.

“Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.” (Al –Baqarah : 21)

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan ruku’lah kamu semua (berjama’ah) bersama-sama orang yang ruku’.” (Al-Baqarah : 43)



makhluk di dunia ini diciptakan oleh Allah SWT untuk mengabdikan diri kepadaNya yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.” (Adz-Dzaariyaat : 56)

Selain itu firman Allah dalam Al-Quran dalam Surah Taha (20) ayat 132 pula menjelaskan menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam memastikan anak-anak menunaikan solat,

“dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kami lah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.”



Menurut riwayat Imam Ahmad, Abu Daud, dan al-Hakim dalam hadis Rasulullah SAW, "Suruhlah anak-anak kamu bersolat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka sekiranya enggan ketika berumur 10 tahun." Ini menunjukkan betapa pentingnya amalan solat dalam membentuk jati diri seseorang mukmin seawal usia. Seperti yang dijelaskan oleh Kamarul Hazani Yusof (2011), Islam menekankan kepada ibu bapa untuk membimbang, mengajar, dan menitikberatkan pelaksanaan solat fardu sebagai amalan anak-anak seawal usia 7 tahun. Bahkan, Islam juga menyarankan kepada para ibu bapa supaya memukul anak-anak yang berusia 10 tahun sekiranya mereka meninggalkan solat lima waktu.

Berdasarkan pemahaman hadis tersebut dan kajian lepas, pembelajaran tentang solat perlu diterapkan dan diperkenalkan sebelum kanak-kanak itu mencapai usia tujuh tahun lagi. Di TADIKA yang dikaji, pembelajaran solat adalah menjurus kepada pembelajaran islamik merentas kurikulum dan penglibatan ibu bapa adalah satu konsep "*complimentary learning*". Ibu bapa telah terlebih dahulu diterangkan tentang kepentingan untuk melibatkan diri dengan aktiviti pembelajaran di TADIKA semasa sesi pendaftaran dan dari semasa ke semasa terutamanya pada sesi perjumpaan ibu bapa dan guru. Senarai semak pemahaman kanak-kanak tentang aktiviti amalan solat juga digunakan dalam aktiviti pemerhatian guru di TADIKA.

Banyak kajian yang menyokong dan mengutarakan kebaikan serta faedah penglibatan ibu bapa. Menurut Paezah dan Faridah (2014), kajian yang dilakukan oleh Chris dan Rosemary (2004) menunjukkan bahawa dengan penyertaan dan sokongan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran, serta penyediaan bahan pembelajaran yang sesuai, dapat meningkatkan kemampuan pembelajaran di kalangan kanak-kanak. Selain itu, kajian oleh Cooper et al. (2006) menemukan bahawa penglibatan ibu bapa dapat

mengeratkan hubungan kekeluargaan dan meningkatkan perkembangan diri, emosi, dan pencapaian kanak-kanak dalam pembelajaran. Oleh itu, penting bagi ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pembelajaran solat anak-anak mereka di usia muda.

Dalam konteks ini, Kamarul Hazani Yusof (2011) menyatakan bahawa sebagai ibu bapa, memastikan anak-anak melaksanakan solat secara konsisten adalah tanggungjawab yang perlu dipikul kerana solat merupakan aspek penting dalam membentuk akidah tauhid dalam jiwa anak-anak. Al-Quran juga menegaskan hal ini melalui Surah Al-Ankabut ayat 45 yang bermaksud:

“Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu dari Al-Kitab dan dirikanlah solat sesungguhnya solat itu mencegah manusia dari perbuatan keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah lebih besar manfaatnya dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.” (Surah Al-Ankabut : 45)

Menurut pandangan Hamka, solat lima waktu yang dilakukan dengan sempurna memiliki kekuatan untuk mencegah seseorang dari melakukan perbuatan keji seperti berzina, merompak, dan menipu. Hal ini kerana solat yang dilaksanakan dengan penuh kesungguhan mampu menjadi benteng bagi keruntuhan akhlak diri dan membangun hubungan yang lebih dekat dengan Allah SWT.

Namun, terkadang fungsi solat sebagai pencegah perbuatan keji diabaikan, seperti yang terungkap dalam hasil kajian terdahulu. Pengabaian solat dapat menyebabkan keruntuhan akhlak remaja, sebagaimana diketahui melalui kajian Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004) yang menyatakan bahawa remaja yang tidak menunaikan solat dengan konsisten lebih mudah terjebak dalam gejala sosial. Selain itu, Fariyah Hussain (2006) dalam kajiannya menemukan bahawa pengabaian solat fardu juga menjadi salah satu faktor penyebab keruntuhan akhlak di kalangan remaja di

masyarakat saat ini. Oleh kerana itu, ibadah solat fardu yang dijalankan dengan konsisten sejak usia muda penting untuk membentuk moral dan karakter yang baik bagi remaja.

Menurut (Azizah Zakaria, 2004), pelajar yang tidak konsisten menunaikan solat cenderung terjerumus dalam perbuatan yang tidak baik. Demikian juga, hasil kajian Ahmad Sabri Osman (2002) menunjukkan bahawa pengabaian solat turut menyebabkan pelajar mudah terjebak dengan masalah keruntuhan akhlak. Sharifah Nur Abu (2012) pula mendapati ramai remaja yang mengabaikan solat lima waktu sehari semalam dan tidak mematuhi perintah tersebut. Pandangan ini turut disokong oleh kajian Syukri Ahmad (2014) yang mendapati pelaksanaan solat dianggap tidak penting dan bukan menjadi keutamaan, dan penghayatan terhadap solat masih kurang.



Ketidakpahaman, kekurangan pengetahuan dan kesedaran tentang solat adalah sebab mengapa remaja kini tidak menunaikan solat dengan sempurna, mengikut Hasna Bidin et al. (2015). Malah, yang lebih membimbangkan adalah terdapat remaja yang tidak menunaikan solat walaupun mempunyai pengetahuan tentang solat, seperti yang dinyatakan oleh Hasna Bidin (2016)

Justeru, jika di kaitkan dengan senario masa kini, amatlah wajar kanak-kanak di awal usia diberi pengetahuan tentang amalan agama kerana pembentukan akhlak mulia dalam kalangan kanak-kanak semakin mencabar. Fauziah Hanim Jalal et al. (2014) mendapati terdapat kanak-kanak yang terjerumus dalam pelbagai perbuatan negatif seperti mencuri, berbohong, tidak menunaikan solat, boros, merokok, merogol dan bermegah-megah. Hasil kajian Irma Yanti Mahamud et al. (2018) pula menunjukkan

pelajar sekolah menghadapi kesulitan untuk mempraktikkan amalan agama ketika di luar sekolah.

Menurut Syukri Ahmad (2014), keruntuhan akhlak yang banyak berlaku kini banyak berpunca daripada pengabaian pelaksanaan solat. Individu yang menjaga solatnya, merupakan mereka yang penuh keyakinan dan keimanan serta patuh terhadap perintah Allah SWT. Pendapat ini disokong oleh Mohd Jirran Mohd Jeperi (2015) didalam kajian yang dibuat didapati masalah akhlak dan sahsiah yang kian meningkat dan meruncing ini mempunyai hubungan yang kuat dengan amalan solat dan akhlak. Kanak-kanak yang sentiasa menunaikan solat juga didapati mempunyai nilai akhlak yang tinggi.

Malah Sulaiman dan Zulkifli (2021) mendapati tahap amalan solat fardhu kanak-kanak masih lagi berada pada tahap yang rendah dan apabila kanak-kanak ini mengabaikan solat, maka berlaku keruntuhan akhlak serta mengundang terhadap gejala sosial dan permasalahan tingkah laku yang tidak baik seperti mencuri, berbohong, penyalahgunaan dadah dan pembuangan bayi. Banyak gejala negatif berlaku akibat daripada pengabaian ibadah solat ini, termasuk runtuhnya jati diri dan akhlak serta penyimpangan moral yang tidak berkesudahan di zaman informasi tanpa sempadan ini.

Walaubagaimanapun, terdapat banyak halangan yang menghalang usaha ibu bapa untuk terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam aktiviti yang dijalankan (Fauziah Hanim Jalal et al., 2014; Irma Yanti Mahamud et al., 2018). Ini mengakibatkan tiada kesinambungan dibuat di rumah atau luar dari sekolah. Ibu bapa tidak tahu bagaimana untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran yang dijalankan. Kekerapan untuk ibu bapa melibatkan diri dalam aktiviti adalah kurang.



Menurut kajian Salma Ishak (1998) kekangan masa adalah penyebab mengapa ibu bapa tidak melibatkan diri. Ini juga disokong oleh kajian yang di buat oleh Fauziah Hanim Jalal et al. (2014).

Jelas dari kajian-kajian diatas kepentingan amalan solat ini perlu diperkenalkan dan diterapkan bermula di prasekolah agar ianya dapat memperkuuhkan pemahaman kepentingan solat seawal enam tahun. Ianya seiringan kandungan KSPK di dalam Pendidikan Islam dibawah Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai iaitu pemupukan atas ibadah seperti melakukan wuduk, mengetahui bacaan zikir dan doa ketika solat, melakukan simulasi amalan solat menjadi aspek utama yang dititik beratkan. Seterusnya ianya mungkin boleh menjadi benteng berlakunya kerosakan moral ketika kanak-kanak ini menghampiri usia remaja seperti kajian terdahulu dibuat disebabkan pengabaian ibadah solat ini. Seterusnya untuk menjadikan ianya satu pembelajaran yang berkesinambungan, penglibatan ibu bapa adalah amat penting.

Baru-baru ini kita juga baru dikejutkan dengan fenomena serangan Covid 19 pada September 2019 dan semua industri hampir lumpuh disebabkan dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketika Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyiharkan pandemi akibat penularan wabak Covid-19 pada Januari 2020, Malaysia dengan segera mengambil langkah berjaga-jaga dan inisiatif untuk menangani penularan wabak ini. Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara pada 18 Mac 2020 sebagai tindakan pencegahan utama (Nor Hamizah Ab Razak & Abdul Rashid Aziz@ Dorashid, 2020). Tindakan ini turut memberi kesan terhadap sektor pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah



mengeluarkan arahan penutupan semua sekolah termasuk 7780 sekolah menengah dan 2440 sekolah rendah di seluruh negara (KPM, 2020). Sebanyak 208,131 murid prasekolah turut terlibat dalam arahan ini. Tindakan ini telah menyebabkan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka yang diamalkan sebelum ini perlu dihentikan dalam tempoh PKP.

Warga pendidik dan murid termasuk prasekolah diarahkan oleh KPM untuk menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian sebagai alternatif bagi memastikan pembelajaran berterusan walaupun di rumah. Ini telah membolehkan pelajar terus belajar melalui pelbagai platform pembelajaran dalam talian seperti *Google Meet, Microsoft Teams, Zoom, Webex, Google Classroom, WhatsApp, Telegram, Padlet* dan aplikasi lain yang serupa (Muniroh Hamat et al., 2020). Dalam situasi ini, KPM memainkan peranan penting dalam memastikan pembelajaran berterusan bagi pelajar di Malaysia melalui pelbagai platform pembelajaran dalam talian.

Lantaran dengan berlakunya PKP, menyebabkan institutisi Pendidikan perlu memberhentikan pembelajaran secara bersemuka, malah industri Pendidikan awal kanak kanak juga tidak terkecuali lantas semua Prasekolah, TASKA, TADIKA TABIKA diarahkan ditutup.

Ketika terjadinya perintah berkurung hampir semua ibu bapa yang bekerja perlu bekerja dari rumah kecuali para pertugas barisan hadapan dan sektor yang dikategorikan perkhidmatan perlu. dan bermulalah sebuah keluarga terkepung diradius sendiri. Pengusaha TADIKA juga mula memikirkan alternatif dengan memulakan kelas melalui pelantar atas talian untuk pelajar seawal usia empat tahun bagi meneruskan

kesinambungan pembelajaran yang dikira akan terbantut sekiranya tidak diteruskan. Keterbatasan masa untuk menjalankan pembelajaran melalui pelantar atas talian juga menyebabkan banyak kekangan pada pihak TADIKA dan ibu bapa dalam membantu anak-anak dirumah. Malah merujuk kepada *The American Academy of Pediatrics* (AAP) dengan *World Health Organization* (WHO) kanak-kanak yang bergantung kepada peranti hanya boleh melayari peranti untuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam satu jam sahaja. Jika pada kebiasaan kanak kanak enam tahun ini dilatih mengerjakan solat sunat dhuha, solat zohor dan asar setiap hari bagi yang mengikuti program “*Children Enhancement Program (CEP)*” bila berlaku PKP terhenti perjalanan ritual ini kerana ibu bapa sibuk dengan tugas masing-masing walau berada di rumah.

Dan apabila kerajaan mula melonggarkan PKP dan dibenarkan kembali ke sekolah didapati kanak-kanak di TADIKA dan pra-sekolah agak ketinggalan dari segi pembelajaran termasuk dari segi aktiviti amalan solat. Kanak-kanak ini mula lupa tentang rukun , bacaan dan amalan solat yang kebiasaan dilakukan. Ianya sama juga berlaku apabila cuti panjang, cuti penggal bila kembali ke TADIKA kanak-kanak ini mula agak liat untuk bersama-sama melakukan aktiviti amalan solat yang diadakan di TADIKA sehingga ada yang terlupa dengan bacaan lazim didalam solat, rukun solat dan tertib. Malah apabila di tanya tentang amalan solat ketika dirumah ramai mengatakan mereka tidak solat dirumah ketika cuti sekolah, semasa PKP kerana tidak dilazimi oleh ibu bapa.

Berdasarkan senario ini, ianya akan menjadikan tiada kesinambungan pembelajaran tentang amalan solat dilakukan dirumah. Adakah amalan solat ini hanya akan berlaku di TADIKA? Adakah pembelajaran tentang amalan solat hanya

tanggungjawab guru di TADIKA? Sedangkan tanpa kesinambungan dari ibu bapa untuk melaziminya dirumah juga sessi pembelajaran ibadah paling penting ini akan jadi sia sia. Kajian ini akan meninjau kepentingan penghasilan garis panduan yang membolehkan ibu bapa terlibat secara aktif dalam aktiviti amalan solat anak-anak mereka. Selain itu, kajian ini akan mengenal pasti komponen dan elemen penting yang diperlukan bagi membangunkan garis panduan tersebut dengan cekap dan efektif. Tujuan kajian ini adalah untuk menjawab persoalan penting dalam kalangan masyarakat, iaitu adakah perlu untuk membangunkan garis panduan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat anak-anak mereka. Dengan hasil kajian yang diperolehi, diharapkan dapat memberikan panduan dan cadangan yang berguna untuk memudahkan ibu bapa terlibat dalam aktiviti amalan solat anak-anak mereka secara lebih efektif dan berkesan.

Setelah menganalisis perbincangan di atas, penyelidik memandang perlu untuk membangunkan suatu garis panduan yang boleh membantu ibu bapa memantau aktiviti solat anak-anak mereka. Berdasarkan kajian ini, didapati oleh penyelidik bahawa terdapat kekurangan sumber rujukan mengenai garis panduan untuk membantu ibu bapa terlibat dalam aktiviti amalan solat bagi kanak-kanak prasekolah. Mengambil kira kajian sebelumnya yang jarang membincangkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat pada kanak-kanak pra-sekolah, para penyelidik berminat untuk meninjau keperluan pengembangan garis panduan yang membimbing penglibatan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat bagi kanak-kanak berusia enam tahun.

1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, tujuannya adalah untuk membangunkan suatu garis panduan yang dapat membantu penglibatan ibu bapa melalui aktiviti amalan solat pada kanak-kanak berusia enam tahun di sebuah TADIKA swasta di Telok Panglima Garang. Kajian ini menggunakan pendekatan Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan atau lebih dikenali sebagai *Design Development Research* (DDR) yang dikembangkan oleh Richey dan Klein (2014), yang merupakan suatu kaedah penyelidikan yang bertumpu pada rekabentuk keperluan untuk menyelesaikan masalah yang diperlukan.

Untuk membantu para guru meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat kanak-kanak berusia enam tahun, kajian ini dilakukan melalui tiga fasa dengan menggunakan pendekatan DDR. Oleh itu, objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1.4.1 Fasa 1: Analisis Keperluan Garis Panduan

Mengenal pasti keperluan Penglibatan Ibu Bapa melalui aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun

- a) Mengenal pasti pemahaman ibu bapa tentang aktiviti amalan solat pada kanak-kanak berusia enam tahun.
- b) Mengenal pasti bentuk penglibatan aktiviti amalan solat kanak-kanak di rumah.
- c) Mengenal pasti cabaran yang dihadapi dalam melibatkan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat kanak-kanak berusia enam tahun

- d) Mengenal pasti keperluan bagi membangunkan garis panduan penglibatan ibu bapa melalui aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun.

1.4.2 Fasa 2 : Reka bentuk dan Pembangunan Garis Panduan

Berkonsepkan peningkatan spiritual kanak-kanak, garis panduan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun akan dibangunkan dan direka dengan teliti.

- a) Mengenal pasti komponen utama garis panduan yang sesuai untuk penglibatan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun. Kesepakatan pakar akan digunakan sebagai asas untuk merumuskan garis panduan tersebut.
- b) Mengenal pasti elemen-elemen dalam garis panduan yang sesuai untuk melibatkan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun berdasarkan kesepakatan pakar.

05-4506832



Mengenal pasti urutan keutamaan elemen-elemen bagi setiap komponen utama dalam garis panduan yang sesuai untuk penglibatan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun, berdasarkan kesepakatan pakar.

1.4.3 Fasa 3 : Penilaian Kebolehgunaan Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa Melalui Aktiviti Amalan Solat

Mengenal pasti Kebolehgunaan garis panduan penglibatan ibu bapa melalui aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun yang sesuai dijalankan

- a) Matlamat khusus adalah adalah untuk mengenalpasti pandangan ibu bapa mengenai keseluruhan kegunaan garis panduan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat bagi kanak-kanak enam tahun.

1.5 Soalan Kajian

Untuk memenuhi objektif kajian pembangunan ini, soalan-soalan kajian berikut telah dibentuk:





1.5.1 Fasa 1 : Analisis Keperluan Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa

Adakah terdapat keperluan membangunkan Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa melalui aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun

- a) Adakah terdapat pemahaman ibu bapa tentang pelaksanaan aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun?
- b) Adakah terdapat penglibatan aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun di rumah?
- c) Adakah terdapat cabaran dan apakah masalah-masalah yang dihadapi semasa melibatkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun?
- d) Adakah terdapat keperluan membangunkan garis panduan bagi penglibatan ibu bapa melalui aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun?

1.5.2 Fasa 2 : Proses Reka Bentuk dan Pembangunan Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa

Apakah reka bentuk dan pembangunan garis panduan penglibatan ibu bapa melalui aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun yang sesuai dijalankan

- a) Apakah komponen utama garis panduan yang sesuai untuk penglibatan ibu bapa melalui aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun merujuk kepada kesepakatan pakar?
- b) Berdasarkan persetujuan pakar, apakah elemen-elemen yang sesuai dalam komponen utama garis panduan untuk penglibatan ibu bapa melalui aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun?
- c) Bagaimana urutan pembangunan (keutamaan) elemen untuk setiap komponen utama garis panduan yang sesuai bagi penglibatan ibu bapa melalui aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun, berdasarkan berdasarkan persetujuan pakar?




1.5.3 Fasa 3 : Penilaian Kebolehgunaan Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa

Adakah garis panduan penglibatan ibu bapa melalui aktiviti amalan solat sesuai untuk digunakan bagi kanak-kanak berumur enam tahun

- a) Apakah pandangan ibu bapa terhadap keseluruhan kebolehgunaan garis panduan yang sesuai untuk melibatkan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat kanak-kanak berumur enam tahun?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 dalam Kerangka Konseptual Kajian di atas menunjukkan kepentingan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran amalan solat. Oleh itu, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun adalah penting.

Menurut kajian Paezah dan Faridah (2014), interaksi serta komunikasi yang baik antara ibu bapa dengan guru adalah penting bagi perkembangan pendidikan kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di TADIKA memudahkan ibu bapa untuk membincangkan masalah yang berkaitan dengan perkembangan pembelajaran dan keupayaan anak-anak. Selain itu, menurut Miedel dan Reynolds (1999), penglibatan ibu bapa sebagai rakan kongsi dalam perkembangan kanak-kanak adalah matlamat utama dalam pendidikan awal kanak-kanak.

1.7 Kepentingan Kajian

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat kanak-kanak enam tahun memainkan peranan penting dalam memupuk kecintaan dan kefahaman tentang solat dalam diri kanak-kanak. Paezah dan Faridah (2014) menyatakan bahawa ibu bapa merupakan individu yang paling penting dalam setiap aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak sama ada di rumah atau prasekolah. Pembabitan ibu bapa dalam setiap aktiviti kanak-kanak dapat menggalakkan perkembangan emosi, rohani, jasmani, dan sahsiah kanak-kanak. Namun begitu, masih terdapat ibu bapa dan masyarakat yang kurang memperhatikan pendidikan awal kanak-kanak. Masyarakat perlu sedar bahawa perkembangan awal kanak-kanak mempengaruhi pembentukan sahsiah anak-anak di

masa depan. Oleh itu, proses pembelajaran kanak-kanak perlu ditekankan sejak mereka dilahirkan.

Berdasarkan hasil kajian Suhaila Nadzri et al. (2018) menunjukkan bahawa ibu bapa perlu memantau pelaksanaan solat anak-anak mereka dan menunjukkan contoh sebagai muslim yang baik. Selain itu, ibu bapa perlu menunjukkan cara solat dan memberikan tunjuk ajar langkah-langkah dan rukun solat yang betul kepada anak-anak. Penglibatan solat secara berjemaah, menyediakan jadual solat, ruang solat dan pakaian solat juga dapat membantu kanak-kanak dalam aktiviti amalan solat mereka (Shahri et al., 2020).

Dapatan kajian ini diharapkan dapat meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak prasekolah dan membantu meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak dalam amalan solat seterusnya menjadi amalan sepanjang hayat. Melalui penglibatan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat, kanak-kanak dapat memahami nilai kepentingan solat dalam kehidupan mereka dan membantu membentuk amalan yang kukuh dalam diri kanak-kanak serta memahami dan membangunkan hubungan yang lebih dekat dengan Allah SWT.

Dapatan kajian ini juga dapat mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam membantu dan memantau pelaksanaan solat anak-anak mereka. Selain itu, kajian ini juga dapat meningkatkan pengetahuan berkaitan kemahiran keibubapaan mengikut landasan Islam.



Diharapkan hasil dapatan kajian ini dapat membantu pihak pengurusan prasekolah dan guru dalam menilai aktiviti solat yang dijalankan serta merancang aktiviti yang lebih bermanfaat di masa hadapan. Garis panduan yang dihasilkan dari kajian ini dapat menjadi panduan bagi pengurusan prasekolah dalam menjalankan aktiviti yang sesuai dan bermanfaat untuk semua

Dengan adanya garis panduan ini, ibu bapa, penjaga, guru, dan pengurusan prasekolah dapat merujuk padanya semasa melaksanakan aktiviti amalan solat untuk kanak-kanak. Selain itu, ianya juga dapat menjadikan ibu bapa/penjaga sebagai rakan strategik dan menyediakan sokongan yang berterusan terhadap aktiviti pembelajaran kanak-kanak.



1.8 Batasan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk memformulasikan garis panduan bagi melibatkan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat untuk kanak-kanak berusia enam tahun, ia mengandungi komponen dan elemen yang menumpukan kepada pemahaman tanggungjawab dan kepentingan solat oleh ibu bapa.

Kajian ini difokuskan di sebuah TADIKA swasta di Selangor, dan hanya melibatkan kanak-kanak berusia enam tahun sahaja. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah ibu bapa kanak-kanak yang telah belajar di TADIKA selama sekurang-kurangnya dua tahun.



Manakala panel pakar pula adalah pakar Pendidikan awal kanak-kanak, pakar Pendidikan islam dan pakar kurikulum. Kajian ini bergantung sepenuhnya terhadap pakar-pakar yang dipilih untuk mencapai kata sepakat dan kesahan mengenai elemen-elemen yang dipilih.

Dalam kajian ini, penyelidik menjalankan kajian disalah sebuah TADIKA cawangan swasta yang telah dipilih bukan bertujuan memberikan gambaran secara keseluruhan tentang persoalan yang dikaji. Ini adalah kerana terdapat beberapa batasan lain yang wujud dan dikenal pasti iaitu batasan masa penyelidik membuat temubual terhadap ibu bapa kerana keterbatasan waktu kedua belah pihak. Malahan ketika pengumpulan data dibuat adalah ketika berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Temubual juga dilakukan secara atas talian menggunakan aplikasi zoom.



Batasan bilangan responden, untuk fasa analisis keperluan garis panduan merujuk kepada sebelas orang kepada salah seorang ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak berumur enam tahun yang akan ditemubual. Ianya juga bergantung kepada kesediaan ibu bapa untuk ditemubual.

Meskipun kajian ini mempunyai beberapa batasan, diharapkan bahawa hasil kajian ini akan memberikan panduan kepada mereka yang terlibat dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak, terutamanya dalam membangun model modul untuk melibatkan ibu bapa dalam aktiviti amalan solat kanak-kanak di TADIKA dan prasekolah.

1.9 Definisi Operasional

Berikut adalah definisi operasional yang memberikan penjelasan mengenai beberapa konsep dan istilah yang penting bagi kajian ini. Terdapat beberapa istilah utama yang digunakan dalam kajian ini.

1.9.1 Pembangunan garis panduan

Pembangunan garis panduan adalah merujuk kepada proses pengembangan dokumen atau proses pembuatan yang menjadi panduan untuk membantu pengguna dalam melakukan tugas atau mengambil keputusan dalam sesuatu bidang atau topik tertentu. Garis panduan adalah merupakan standard, aturan atau panduan yang di guna pakai bertujuan untuk membantu memperbaiki sesuatu tugas atau amalan sesuatu amali.

Dalam kontek yang lebih luas, pembangunan garis panduan dapat merujuk kepada proses dokumentasi panduan sesuatu perkara atau projek. Garis panduan digunakan di semua peringkat masyarakat sebagai rujukan.

1.9.2 Penglibatan Ibu bapa

Dalam kajian ini, penglibatan ibu bapa merujuk kepada peranan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak di sekolah dan di rumah. Penglibatan ini melibatkan hadir



ke sekolah, berkomunikasi dengan guru-guru, atau membantu anak-anak dengan tugas sekolah di rumah (Christenson et al., 1992; Epstein, 2018). Istilah "penglibatan ibu bapa" akan digunakan secara meluas dalam kajian ini dan merangkumi ibu, bapa, atau penjaga. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan di sekolah mempunyai pelbagai bentuk penyertaan aktiviti, seperti hadir pada majlis atau program di sekolah untuk menunjukkan sokongan ibu bapa terhadap aktiviti yang dijalankan.

Dalam konteks kajian ini, penglibatan ibu bapa merujuk kepada ibu bapa yang sentiasa memantau pelaksanaan solat anak-anak mereka, membantu dan membimbing anak-anak mereka dalam memperbaiki aktiviti amalan solat, serta menyediakan rujukan, ruang dan peralatan solat yang sesuai untuk menarik minat anak-anak. Selain itu, penglibatan ibu bapa juga melibatkan solat secara berjemaah sebagai satu bentuk sokongan ibu bapa terhadap aktiviti amalan solat anak-anak.



1.9.3 Aktiviti

Aktiviti di TADIKA adalah program atau kegiatan TADIKA yang merangkumi aktiviti Hari Terbuka, Seminar keibu bapaan, Perjumpaan Guru-Ibu bapa, Hari Sukan, Aktiviti lawatan bersama kanak-kanak, Hari Graduasi, dan lain-lain aktiviti berkaitan dengan pembelajaran. Walaubagaimanapun ianya tidak terhad dengan aktiviti di TADIKA sahaja.



Di TADIKA yang dikaji menggunakan program prasekolah yang menjadikan agama Islam sebagai teras utama dalam pembelajarannya serta bahasa Inggeris sebagai medium utama. Modul *I²Factor (Integration and Islamization of Knowledge)* yang diguna pakai ini menjadikan Islam sebagai cara hidup dan nilai-nilai Islam diterapkan serta diintegrasikan di dalam semua subjek akademik didalam aktiviti pembelajaran. Disebabkan perihal di atas, kanak-kanak di TADIKA ini didedahkan dengan kemahiran mempraktikkan solat, menghafaz doa-doa harian dan ayat-ayat Al-Quran yang lazim, berzikir dan juga memahami arahan dalam Bahasa Inggeris.

Maka di dalam kontek kajian ini aktiviti amalan solat yang dimaksudkan ialah aktiviti amalan solat yang melibatkan kesinambungan pembelajaran solat di rumah.

1.9.4 Aktiviti Amalan Solat

Ibn Manzur (1956) memberikan definisi bahasa untuk solat sebagai doa untuk mencapai kebaikan. Definisi ini diperkuat oleh Johari El-Yamani dan Junaid Talip (2003) yang menyatakan solat dalam konteks bahasa sebagai doa untuk memohon kebijakan dan memuji. Sementara itu, al-Syarbini (Syarbini, 1940) mendefinisikan istilah solat dengan menggambarkan beberapa kata dan tindakan yang dimulai dengan takbiratulihram dan diakhiri dengan salam, sesuai dengan persyaratan tertentu. Menurut (Ensiklopedia, 2005) solat adalah ibadah yang melibatkan ucapan dan tindakan khusus yang dimulai dengan takbiratulihram dan diakhiri dengan salam, sesuai dengan persyaratan tertentu. Pelaksanaan solat yang benar dan lengkap dapat membentuk kepribadian Muslim yang bermoral dan beriman yang kuat.



Dalam konteks ini, solat merujuk pada solat fardu yang wajib dilaksanakan lima kali sehari oleh orang Islam yang berakal dan baligh.

1.9.5 Ibu bapa

Ibu bapa merupakan kedudukan yang paling penting dan utama dalam masyarakat untuk kebanyakan orang. Ia adalah satu-satunya kedudukan yang tidak memerlukan perlantikan rasmi dari mana-mana pihak. Semua bermula dari amanah, tugas, peranan, dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap ibu bapa (Rusanai anbul kadir, 2000).

Dalam kajian ini, ibu bapa merujuk kepada satu ibu, bapa, atau kedua-duanya, dan juga penjaga yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk menjaga kanak-kanak.



1.9.6 Kanak-kanak

Dalam konteks undang-undang, kanak-kanak ialah seseorang yang belum mencapai umur 18 tahun seperti yang telah ditakrifkan dalam Akta Kanak-Kanak 2001.

Deklarasi Konvensyen Hak Kanak-kanak atau Children Right Convention (CRC), 1989, mengandungi tiga prinsip asas, iaitu mengenai status kanak-kanak, hak dan kebebasan, serta prinsip demi kepentingan terbaik untuk kanak-kanak (Nor'asyikin Hamzah & Raihanah Hj Abdullah, 2018). Konvensyen tersebut mendefinisikan kanak-kanak sebagai individu yang berusia di bawah 18 tahun dan setiap kanak-kanak layak



memperolehi hak dan kebebasan tanpa mengira latar belakang mereka, termasuk keturunan, warna kulit, jantina, bahasa, agama, fahaman politik, kebangsaan, kedudukan sosial, kecacatan dan lain-lain status. Adalah diharapkan bahawa tindakan yang diambil dalam menguruskan kanak-kanak perlu berpaksikan prinsip demi kepentingan terbaik untuk kanak-kanak.

Terdapat beberapa pandangan tokoh Barat dan Islam yang membincangkan maksud yang spesifik tentang kanak-kanak dan kebanyakannya mengaitkan kanak-kanak dengan aspek perkembangan mengikut peringkat umur. Pandangan ini telah dikemukakan oleh tokoh Pendidikan Awal Kanak-Kanak seperti Froebel, Maria Montessori, Imam Al-Ghazali dan Abdullah Nashih Ulwan. Begitu juga ciri individu kanak-kanak juga banyak dinyatakan dalam Teori Perkembangan kanak-kanak seperti Teori Perkembangan Kognitif dan Moral oleh Piaget (1970) dan Kohlberg (1976) yang menjelaskan kanak-kanak mengikut tahap umur dan peringkat-peringkat perkembangan.

Berdasarkan Teori Perkembangan fizikal, kognitif, bahasa, sosial, dan rohani, kanak-kanak pada peringkat umur tertentu sepatutnya menunjukkan indikator perkembangan dalam bentuk kebolehan dan tingkah laku, kecuali kanak-kanak yang dikategorikan sebagai kanak istimewa, abnormal, atau mempunyai keperluan khas. Walau bagaimanapun, prinsip pertumbuhan dan perkembangan menunjukkan bahawa setiap kanak-kanak adalah individu yang unik dan berbeza antara satu sama lain.

Dalam kajian ini, kanak-kanak yang akan terlibat ialah kanak-kanak dikategorikan sebagai peringkat pra-sekolah iaitu kanak-kanak berumur enam tahun dan aktiviti amalan solat atau latihan amali solat berlaku di TADIKA.

1.9.7 Kerohanian

Menurut Kamus Dewan (ed ke 4) Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), istilah "rohani" bermaksud batin yang berkaitan dengan roh, rohaniah, atau jiwa. Rohani merujuk kepada aspek yang tidak berbentuk fizikal dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar, yang melibatkan semangat seseorang. Ini berlawanan dengan jasmani yang merujuk kepada perkara yang bersifat fizikal. Dalam konteks yang lebih luas, istilah "rohani" membawa maksud semangat intrinsik yang dimiliki oleh segala jirim di dunia. Namun, dalam konteks yang lebih terhad, ia merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan roh. Meskipun begitu, istilah "rohani" sering dikaitkan dengan perasaan dalaman manusia yang melibatkan emosi kendiri dan penalaran strategik.

Al Ghazali (1058-1111) mendefinisikan "rohani" sebagai perkara yang terdiri dari akal, hati, jiwa, dan roh. Ia juga dianggap sebagai potensi ilmu yang terdapat di dalam roh manusia, dan melalui pendidikan, potensi tersebut dapat diserlahkan (Tawil, 2002).

Kerohanian juga merujuk kepada elemen hati (qalb) yang membawa kepada perkembangan personaliti manusia secara seimbang. Kerohanian berfungsi sebagai imuniti dan kawalan dalaman yang memainkan peranan dalam membawa kebaikan.

Dalam konteks pendidikan kanak-kanak, memperkenalkan aspek-aspek yang berkaitan dengan rohani merupakan kewajipan yang dituntut daripada ibu bapa dan para guru. Ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud:



“Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka” (At Tahrim : 6)

Menurut Islam kanak-kanak dilahirkan suci dengan membawa fitrah beragama. Maka kedua orang tuanya yang bakal mencorakkan anak-anak samaada menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi (Hadis Riwayat Imam Bukhari dari Abu Hurairah).

Justeru dalam kajian ini kerohanian adalah menjurus kepada pendidikan ibadah agama iaitu aktiviti amalan solat dan sikap mengambil tahu ibu bapa di rumah.

1.10 Rumusan

Keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan awal Islam kanak-kanak merupakan aspek yang penting dalam pembangunan setiap kanak-kanak. Ibu bapa juga merupakan pengaruh terbesar dalam pembangunan kanak-kanak dari kecil hingga dewasa. Oleh itu, kajian mengenai penglibatan ibu bapa melalui aktiviti solat kanak-kanak berumur enam tahun ini dapat mengukur sejauh mana ibu bapa memahami keterlibatan mereka.

